



Submission: 15/02/2022 Accepted: 09/06/2022 Published: 29/09/2022
DOI: 10.33102/abqari.vol27no1.525

INTEGRASI ILMU TURATH DAN SAINTIFIK DALAM PENYELIDIKAN SEBAGAI PRAKARSA DAKWAH KONTEMPORARI

Integration of Turath and Scientific Knowledge in Research as A Contemporary Da'wah Initiative

Muhammad Remy Othman^{a*}, Mohd Farhan Md Ariffin^b, Sayidah Asma Basir^c,
Khadher Ahmad^d, Zulkifli Mohd Yusoff^e, Khalijah Awang^f

^aJabatan Al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

^bFakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

^cFakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

^dJabatan Al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

^eJabatan Al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,

^fJabatan Kimia, Fakulti Sains, Universiti Malaya,

*remy86vrg@gmail.com (Corresponding email)

Abstract

Islamic revelation as the main reference in the exploration of knowledge has created scientific methods and thoughts based on tawhīd. This can be seen through scientific discoveries by the legacy of Islamic scholars such as Jabir Ibn Hayyan, al-Khawarizmi, al-Bīrūnī, Ibn Sina, Ibn Qayyim, and many others who integrated the revelation and scientific knowledge to solve the problems faced by mankind. The objectives of this paper are to elaborate the benefits, preconditions and needs of the integration of *turath* and scientific knowledge as a contemporary da'wah initiative. In other words, scientific knowledge is made as a *Manhaj Rabbani* in the transformation of da'wah based on tawhīd. The qualitative method is applied to collect information through the analysis of books, journals, and academic publications. The results of the findings show that the integration of *turath* and scientific knowledge in multidisciplinary research is very beneficial and serves as the contemporary da'wah medium. At the same time, it also gives confidence to the preacher to speak in multidisciplinary subject matters.

Keywords: integration, Quran, Sunnah, scientific, contemporary da'wah.

Abstrak

Ilmu wahyu sebagai rujukan utama dalam penerokaan ilmu telah menghasilkan kaedah dan pemikiran saintifik berteraskan tauhid. Hal ini dapat dilihat melalui penemuan saintifik oleh warisan sarjana Islam seperti Jabir Ibn Hayyan, al-Khawarizmi, al-Bīrūnī, Ibn Sina, Ibn Qayyim, dan ramai lagi yang mengintegrasikan ilmu wahyu dan saintifik bagi menyelesaikan masalah umat manusia. Objektif makalah ini adalah untuk menghuraikan manfaat, prasyarat dan keperluan integrasi ilmu *turath* dan saintifik yang berperanan sebagai prakarsa dakwah kontemporari. Dalam erti kata lain, ilmu saintifik dijadikan *manhaj rabbani* dalam tranformasi pendakwaan berteraskan kepada ketauhidan. Kaedah kualitatif diaplikasikan untuk mengumpul maklumat melalui analisis terhadap buku, jurnal ilmiah dan penerbitan akademik. Hasil dapatan menunjukkan pengintegrasian ilmu *turath* dan saintifik dalam multidisiplin penyelidikan sangat bermanfaat dan berperanan sebagai medium dakwah kontemporari. Sekali gus memberikan keyakinan kepada pendakwah untuk berhujah dalam pelbagai rentas bidang.

Kata kunci: integrasi, Quran, Sunnah, saintifik, dakwah kontemporari.

PENGENALAN

Menurut kamus Dewan Edisi Keempat, istilah integrasi adalah berasal daripada bahasa Inggeris yang bermaksud penyatuan. Secara umumnya, makalah ini ingin menghuraikan manfaat dan kepentingan pengintergrasian ilmu turath dan saintifik yang menyatukan dua disiplin keilmuan, iaitu ilmu turath dan disiplin ilmu sains yang pastinya berperanan sebagai medium dakwah kontemporari masa kini. Pengintegrasian ini lebih berkonsepkan multidisiplin yang memberikan perkembangan ilmu baru dan idea integrasi dengan menggabungkan dua atau lebih aliran pemikiran dan tujahan bidang dalam satu dapatan. Hal ini sekaligus dapat memberikan manfaat kepada masyarakat serta perkembangan intisari keilmuan itu sendiri (Baharuddin, 2007).

Perkataan *turath* berasal daripada perkataan kata kerja *waratha* yang memberi maksud warisan (Jalil & Abd Aziz, 2013). *Turath* dari segi bahasa bermaksud memindahkan kekayaan daripada generasi tua kepada muda. Menurut Mohamed (2003), pemindahan tersebut merangkumi aspek pemikiran, ajaran agama dan kitab suci. Manakala kitab *turath* merupakan warisan ulama silam, juga dikenal dengan nama kitab kuning yang kaya dengan intipati pelbagai cabang keilmuan. Salah satu medium perkembangan ilmu turath di Malaysia adalah institusi pondok semenjak kurun ke-18 sewaktu kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Dari sinilah jejak awal keilmuan *turath* ataupun “buka kitab” dipelajari dari satu generasi kepada generasi, sehingga kini (Ab Rahim & Nor, 2020).

Ab Rahim & Mohd Nor. (2020) menyatakan kelangsungan pengajian ilmu *turath* pada zaman moden pastinya memberikan banyak manfaat. Cabang keilmuan yang diajarkan seperti pengajian tafsir al-Quran, Hadith, Usul al-Fiqh, Mantik, Nahu dan sebagainya telah menghasilkan pelajar berkemahiran tinggi dalam ilmu agama dan dipandang mula di sisi masyarakat. Ada di kalangan mereka dapat melanjutkan pengajian dalam dan luar negara antaranya Mesir, Madinah, Mekah dan lain-lain negara. Penerokaan ilmu dikembangkan dengan mengkaji khazanah ulama daripada Tanah Arab. Apabila pulang ke tanah air, lulusan ini berpeluang mengisi keperluan kerjaya dalam bidang professional, antaranya doktor, peguam syarie ataupun sivil, pensyarah dan hakim.

Perkembangan ilmu *turath* secara tidak langsung telah mengajar cara fikir pelajar jurusan agama untuk mengkaji ciptaan Allah SWT melalui ayat-ayat kawaniyyat seperti kejadian siang dan malam, tumbuhan, binatang, manusia dengan penghayatan daya fikir tadabbur (Rusydi, 2016). Tambahan pula, kemukjizatan al-Quran yang mempunyai pelbagai khazanah ilmu pengetahuan telah mencetuskan perkembangan ilmu sains dan teknologi (Ibrahim dan lain-lain, 2012). Hal ini telah dinyatakan sendiri oleh sarjana Barat, Philip Hitti, bahawa Renaisans Eropah tidak akan wujud sekiranya tidak merujuk kepada karya-karya ilmuwan Islam dalam sains dan teknologi serta mengakui kehebatan saintis Islam (Manap, 2012).

Secara signifikannya, kepentingan pengintegrasian ilmu *turath* dan kajian saintifik dalam satu kerangka keilmuan masa kini harus dikembangkan dan diketengahkan bagi memperkasakan dakwah komtemporari bagi menarik cendiakawan dan ilmuwan selain bukan Islam. Sebagai contoh, menurut Alias dan lain-lain (2010), elemen pemikiran saintifik dalam pengajian Islam menjadi satu keperluan bagi graduan masa kini kerana keperluan dapatan daripada pengkajian makmal dan lapangan dapat melengkapkan mahasiswa/wi dengan realiti alam pekerjaan sebenar. Mahasiswa/wi yang bergraduasi keluar mencari pekerjaan pastinya akan berhadapan dengan pelbagai masyarakat yang terdiri berbilang bangsa, agama, latar pendidikan yang berbeza, berhadapan dengan dunia bercorak saintifik dan fakta. Mereka inilah yang akan menjadi ikon dalam berdakwah kepada masyarakat. Menyampaikan risalah dan ajaran daripada al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Hal ini memerlukan satu kekuatan jadi diri pendakwah yang berkemahiran bukan sahaja bergantung kepada manhaj dakwah bersumberkan al-Quran, Sunnah Nabawiyah dan sejarah hidup para sahabat serta pendapat fuqaha tetapi pengalaman berdakwah apabila berhadapan dengan pelbagai persoalan semasa yang memerlukan ketajaman dan kepantasan daya fikir yang jelas. Menurut Alias dan lain-lain (2010) pengalaman ketika berdakwah adalah guru terbaik bagi pendakwah menimba pengalaman dalam kematangan berhujah.

Antara contoh lain keperluan mengaplikasikan konsep integrasi dapat dilihat melalui satu kajian yang dilakukan oleh Ramli dan Yusoff (2019) bertajuk “Perubatan nabi: kefahaman sunnah dan praktis perawat” yang menggunakan pelbagai herba dalam rawatan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa perawat ataupun institusi perubatan Islam menggunakan herba dalam rawatan tidak terbatas hanya kepada sumber perubatan ‘Hijjaz’ ataupun Semenanjung Arab semata-mata, teks hadith, tetapi juga pengaruh penggunaan bahan rawatan turut didasarkan kepada amalan masyarakat setempat selagi mana bahan herba tersebut tidak bertentangan dengan hukum syarak. Hal ini mendorong menjalankan aktiviti kajian secara saintifik yang mengintegrasikan dalil Naqli dan Aqli. Sebagai contohnya, dapat diperhatikan oleh kaedah rawatan Darussyifa’ melalui kaedah rawatan sakit buasir menggunakan bahan seperti daun semperai, kulit buah delima masak, inai, ibu kunyit dan bedak sejuk yang telah dirukyahkan. Kajian bercorak integrasi terkini turut didorong daripada petunjuk hadith Rasulullah SAW ketika nabi menggunakan inai bagi merawat luka akibat terkena pedang ataupun duri. Hal ini mencetuskan satu fiqh perubatan akan potensi inai dalam perawatan luka dengan kajian saintifik bagi mengenalpasti kehadiran sebatian aktif antioksidasi yang berperanan membantu penyembuhan luka secara semulajadi (Othman dan lain-lain, 2021).

Selain daripada itu, kemukjizatan al-Quran sentiasa mendahului zaman. Sebagai contoh dalam surah an-Nahl ayat 68 dan 69 Allah telah berfirman bahawa manfaat madu yang diilhamkan kepada lebah sebagai penawar bagi manusia (dari berbagai-bagai penyakit) telah dibuktikan melalui kajian saintifik. Madu lebah terbukti mengandungi khasiat dan berkesan dalam merawat beberapa penyakit serta bertindak sebagai antimikrob, antikeradangan serta kaya dengan antioksidasi (Fauzan dan Hassan, 2018).

Perkembangan dapatan daripada ilmu saintifik yang dipacu oleh ilmu turath pastinya menjadi modal kepada pendakwah untuk mendekati golongan kontemporari yang bercorak saintifik dan fakta semata-mata. Signifikan keperluan dapat dilihat sejarah perkembangan intregrasi antara ilmu turath dan saintifik dari pelbagai aspek berasaskan kepada wacana sains Islam telah dimulakan semenjak tahun 1970-an lagi dengan penubuhan Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI) melibatkan ahli akademik dan profesional dari pelbagai latar belakang dan kepakaran. Salah satu bidang tujahan kajian yang turut diambil kira adalah daripada keilmuan turath (Hassan dan Khambali, 2020). Hal ini merangkumi jejak kecemerlangan dan kegemilangan ilmu Islam yang berkembang sejak dari zaman Rasulullah SAW sehingga ke era Uthmaniyyah, sehingga berjaya mengumpulkan pelbagai disiplin ilmu dan memberikan impak dalam memacu ketamadunan ilmu di seluruh dunia.

Sekali gus memberikan nilai tambah kepada para pendakwah berlatarbelakangkan integrasi pengajian Islam dan sains untuk terus kehadapan dalam berdakwah.

TRANFORMASI DAKWAH MASA KINI

Dakwah di Malaysia telah banyak berubah dan melalui rehlah yang panjang dalam kerangka waktu pra dan pasca merdeka. Sejarahwan telah merekodkan bahawa pendakwah Islam mula datang dan berdakwah di Tanah Melayu sejak kurun ke-9 berdasarkan penemuan batu nisan Syeikh Abdul Qadir bin Husin Syah Alam bertarikh 290 Hijri, batu nisan di Teluk Cik Munah, Pekan, Pahang yang mencatatkan tarikh kematian 419 Hijri juga dikukuhkan lagi dengan penemuan wang dinar Kelantan bertarikh 577 Hijri, batu bersurat Terengganu bertarikh 702 Hijri dan lain lain lagi (Don dan Nasir, 2012).

Menurut Don dan Nasir (2012), menyelusuri corak dakwah sebelum kemerdekaan, ianya lebih tertumpu kepada usaha pengislaman masyarakat, memberikan kefahaman serta penghayatan asas Islam. Selepas kemerdekaan, dakwah Islam turut berkembang seiring dengan perkembangan Malaysia dari sudut ekonomi, sosial, politik, masyarakat majmuk yang pelbagai kaum dan agama serta pendidikan yang lebih tersusun dan formal seperti sekolah kebangsaan dan institusi pondok.

Hal ini turut mempengaruhi *mawdu'* dakwah yang pelbagai dan beberapa cabaran dakwah; antara cabaran yang dihadapi adalah konflik pentafsiran agama antara kaum muda dan tua seperti persoalan qunut, bacaan yasin, penafsiran amalan talqin dan lain-lain sehinggakan menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat Islam Malaysia. Cabaran kedua adalah masalah kekurangan pendakwah bagi memberi bimbingan kepada saudara baru. Cabaran ketiga berkaitan pendekatan berdakwah yang memerlukan penguasaan ilmu *fiqh al-syar'i* dan *fiqh al-waqi*. Cabaran keempat berkisar antara ideologi dan pemikiran yang pelbagai seperti globalisasi, gerakan liberal dan sekular dalam kalangan masyarakat Malaysia (Don dan Nasir, 2012).

Menurut Jalal dan lain-lain (2018), pendekatan dakwah masa kini telah berubah dalam pelbagai medium yang dipengaruhi perkembangan ilmu sains dan teknologi. Ia semakin kompleks dan memerlukan transformasi kaedah dakwah dan kaedah penyampaian pendakwah. Antara tranformasi yang diperlukan adalah berkebolehan dalam pengucapan yang baik, berpengetahuan ilmu psikologi (sikap, karakter, tingkah laku, kaedah dakwah yang berkesan), dan berkemahiran dalam penguasaan media. Pendakwah juga berfungsi sebagai kaunselor kerana akan mendampingi golongan masyarakat yang pelbagai seperti generasi muda, saudara baru (muallaf), dan penganut agama lain. Pendakwah sebagai "*problem solver*"; memerlukan banyak data dan maklumat serta berhubung dengan badan-badan dakwah berautoriti

seperti Majlis Agama Islam Negeri dan JAKIM, memahami latar sosio ekonomi dan sosio politik masyarakat setempat, bersedia bergaul dan mengetahui tahap pendidikan masyarakat agar dakwah disampaikan lebih efisien. Pendakwah juga dilihat sebagai usahawan dan pengurus dalam mentranformasikan gerak kerja dakwah seperti mencari dana, mengurus kewangan dan perbelanjaan.

Tambahan pula, Ahim (2020) berpendapat bahawa pendekatan dakwah pada masa kini berhadapan dengan pelbagai perkembangan ilmu baru yang didokong oleh era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dan penyelidikan saintifik, yang dipacu oleh data raya dan internet untuk semua (IoT) turut berubah. Tambahnya lagi, perkembangan teknologi telah melahirkan pelbagai produk hasil kemajuan sains dan teknologi. Dengan adanya teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), memudahkan perhubungan dan penyampaian maklumat. Segala maklumat terpapar dengan hanya menaip di papan skrin telefon pintar. Begitu juga maklumat yang dipaparkan di kaca televisyen, di corong radio turut memainkan peranan dalam menyampaikan dakwah (Ahim, 2020).

Begitu juga halnya dakwah melalui medium lukisan animasi ataupun kartun (Radzi dan Harun, 2021), dakwah melalui medium hiburan dengan mengalunkan dan menyanyikan susunan lirik keagamaan dalam karya lagu yang digelar nasyid (Sanusi dan Mohamed, 2017), dan dakwah melalui medium tulisan ilmiah (Ghazi dan lain-lain, 2013).

Menurut Hilmi (2014), maklumat yang terdapat dalam alam maya sangat terdedah dan bercampur antara yang hak dan batil, sahih dan palsu. Kepelbagaian maklumat yang ada perlu disemak terlebih dahulu dan dipantau. Oleh itu, satu pendekatan baru dalam dakwah menggunakan teknologi telah melahirkan satu terma dikenali “tekno daie”. Ia adalah hasil gabungan “tekno” dan “daie” yang boleh digunakan oleh golongan pendakwah yang berkemahiran teknologi komunikasi dengan bermatlamat untuk menegakkan syiar Islam.

PRASYARAT INTEGRASI ILMU TURATH DAN PENYELIDIKAN SAINTIFIK

Penyelidikan sains membolehkan sesuatu pengetahuan dikaji secara sistematik mengikut pola metodologi manipulasi data dan kemahiran memproses data saintifik. Antara kemahiran proses sains yang terlibat adalah memerhati, mengkelas, mengukur, membuat inferens/ hipotesis, mentafsir data, mendefinisi secara operasi, mengawal pemboleh ubah, menjalankan eksperimen dan dapatan kajian diterjemahkan dalam laporan (Mat Ail, 2015).

Bagi pengkaji Muslim, setiap selok belok ilmu pengetahuan sains akan disandarkan kepada agama yang menjadi teras kepada penjana ilmu. Walau bagaimanapun, asas sains Barat telah mengasingkan sumber wahyu dalam pengkajian mereka. Dari sudut lain, perkembangan sains Barat yang terbina akibat daripada pertembungan dengan tamadun Islam telah menolak peranan wahyu, bahkan mengasingkan kajian-kajian ilmiah daripada unsur keagamaan \mula berkembang setelah sains Islam mengalami kemerosotan pada abad ke-17 Masihi (Azhar, 2017).

Perbezaan utama dengan sains Islam boleh diringkaskan seperti berikut; sains barat hanya mempercayai rasional (pemikiran manusia yang terbatas), pengesahan dapatan kajian hanya bergantung kepada operasi pembuktian, sains barat tidak bersifat (baik atau buruk), matlamat sains barat menghalalkan cara kajian sehinggakan ujikaji dijalankan ke atas manusia dan janin bayi dibenarkan, dan sains barat tidak berorientasikan nilai dengan memisahkan kepada keprihatinan sosial, politik dan ideologi. Hal ini berbeza dengan asas sains Islam yang dibina dari kerangka syariah Islam bersumberkan kepada al-Quran dan al-Sunnah (Azhar, 2017).

Sains Islam dipacu oleh satu tujuan, daya pemikiran dan natijah pensyariaan digariskan dalam tuntutan *maqasid syariah* iaitu, menjaga agama, keselamatan nyawa, kewarasan akal fikiran, memelihara kehormatan dan maruah diri, dan usaha pemilikan harta (Norazmi dan lain-lain, (2017). Hal ini memberi indikator bahawa setiap kajian yang dijalankan, saintis Islam pastinya membuat analisis terlebih dahulu untuk dipastikan dapatan kajian selari dengan keperluan dari kerangka Islam dan tidak akan melanggar etika. Sekaligus akan memberikan satu kekuatan dan kelebihan kepada sains Islam yang dibangunkan atas dasar keimanan dan ketauhidan kerana ia dipacu oleh sumber al-Quran dan al-Hadith.

Selain daripada mempunyai pemikiran yang kritis dan kreatif, beberapa keperluan asas harus dilengkapi pendakwah beraliran sains guna dengan pengajian Islam bagi mengintegrasikan keilmuan turath dan kajian saintifik dalam sesuatu penyelidikan. Hal ini kerana kedua-dua bidang tersebut mempunyai disiplin dan metode yang tersendiri. Ilmu turath berasaskan kepada *naqli* iaitu bersumberkan wahyu Al-Quran dan al-Sunnah, sementara kajian saintifik berasaskan kepada sumber rasional dan pemikiran manusia dikenali sebagai *aqli*. Antara keperluan asas kedua-dua bidang ini adalah seperti berikut:

- 1) Kemahiran Asas dalam penguasaan ilmu dari kerangka pengajian Islam, antaranya Ulum Al-Qurān, Ulum al-Hadith, Usul Fiqh, Al-Akhlaq wa Al-Tasawuf, Pengajian Syariah, Usuluddin, lain-lain lagi. (Subjek Semasa

Mengikuti Program Asasi 2021) & (Buku Panduan Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda Sesi 2020/2021).

- 2) Keupayaan dalam melaksanakan dan memenuhi kaedah saintifik, antaranya, menguasai kerangka ilmu sains, membuat hipotesis/ inferens, keupayaan untuk menganalisis data, dan lain-lain lagi (Mohd Jailani, 2019).
- 3) Penguasaan lebih dari satu bahasa kerana khazanah keilmuan terdapat pada bahasa ibunda sesuatu ketamadunan ilmu tersebut seperti penguasaan asas bahasa Arab, bahasa Inggeris dan juga bahasa Melayu untuk memahami teks dari kitab arab, jurnal saintifik dan lain-lain rujukan (Rashid dan lain-lain, 2018).
- 4) Keupayaan menyampaikan dua keilmuan dalam satu wacana terutamanya di Malaysia dengan diterjemahkan dapatan dan penemuan berasaskan ilmu turath dan saintifik dalam pendekatan dakwah kontemporari (Abd. Rahman, 2018).

MANFAAT INTEGRASI ILMU TURATH DAN SAINTIFIK

Asas keilmuan yang kukuh dihasilkan oleh sarjana Islam berpaksikan kepada ketauhidan kepada Allah SWT dan Sunnah Rasulullah SAW telah menyumbang manfaat kepada ketamadunan manusia sehingga kini (Rashid dan lain-lain, 2018). Sains Islam telah melahirkan pelbagai disiplin ilmu antaranya pemikiran sains yang kritis, berintegriti dan bersumberkan kepada sumber al-Quran dan al-Sunnah, ia dapat menyelesaikan masalah manusia, dan memberi faedah kepada manusia serta memelihara keseimbangan alam.

Kecanggihan teknologi dan pencapaian sains yang dinikmati pada masa kini merupakan sumbangan daripada tamadun Islam pada abad ke-8-13 Masihi (Sidik dan Talib, 2013). Hal ini dapat dibuktikan daripada peranan Andalus sebagai pusat Islam di Eropah berperanan penting dalam pembangunan tamadun Barat (Azhar, 2017). Antara tokoh-tokoh sarjana Islam disegani dalam perkembangan sains barat seperti Jabir Ibn Hayyan dalam bidang kimia (Hassan dan lain-lain, 2018), al-Khawarizmi tokoh matematik (Omar, 2016), Razi, Mas ‘udi, Abul Wafa, al-Bīrūnī dalam bidang astronomi (Jamaluddin, 2012), Ibn Sina dalam bidang perubatan (Masiz, 2012), Omar Khayyam (Algebra) (Siadat dan Tholen, 2021), Ibn Rushd, Ibn Nafis, dan Tusi, sejak tahun 750-1200 Masihi. Apabila khazanah ilmu ini dipelajari oleh para pelajar dan disampaikan oleh pensyarah berkepakaran, secara tidak langsung, keilmuan dan keindahan Islam terserlah dan nilai Islam terus mengetuk ke pintu-pintu universiti dan menjadi manhaj dakwah yang berterusan (Masiz, 2012).

Sebagai contoh, tokoh sains Islam yang terkenal seperti Ibn Sina dalam bidang perubatannya menghasilkan rujukan *al-Qanun Fi al-Tibb*. Sehingga kini asas perubatannya digunakan dalam buku perubatan moden di universiti-universiti dunia (Omar, 2006).

Antara contoh lain, sarjana Islam seperti Ibn Qayyim Jawziyyah dalam kitabnya berjudul *Zād al-Maād fi Hadyi Khayr al-Ibād* atau nama ringkasnya *Zād al-Maād* merupakan satu koleksi kitab yang komprehensif dengan menghimpun dan membahas segenap aspek kehidupan baginda termasuk petunjuk Nabi SAW dalam perubatan. Jilid ke-4 dari koleksi kitab *Zād al-Maād* berjudul kitab *al-Tibb al-Nabawi* turut menyumbangkan metode integrasi ilmu turath dan saintifik. Sebagai pengintegrasian, pada setiap penyakit dibincangkan terlebih dahulu dengan menghuraikan perbincangan dari kerangka pengajian Islam (Haron, 2016). Banyak kajian terkini yang mengkaji dari pelbagai disiplin ilmu termasuklah dapatan daripada kajian saintifik telah menjadikan kitab *al-Tibb al-Nabawi* karangan Ibn Qayyim sebagai rujukan dan telah menghasilkan beberapa penemuan terkini antaranya “Konsep Al-Shifā’ dalam Al-Qur’an: Kajian terhadap metode rawatan Ibn Qayyim Al-Jawziyyah” (Haron, 2016), “Gejala Kemurungan: Kaedah Rawatan Melalui Pengubatan Al-Tibb Al-Nabawi” (Abdullah dan Zaki, 2020), “Issues in Scientific Approach to Ḥadīth Commentary: A Critical Study of Selected Ḥadīths on Prophetic Medicine” (Ismail dan Asnawi, 2021), “The perspective of al-Sunnah al-Nabawiyyah to handle the outbreak of a Pandemic Disease” (Masruri dan lain-lain, 2021), “Sorcery Treatment On Ibn Qayyim Al-Jaw Ziyya’s (691h/1292m-751h/1350m) Perspective And The Reality In Islamic Medical Centre In Malaysia: A Comparative Studies” (Ahmad dan lain-lain, 2012), “*Lawsonia inermis* Linn.(Inai) dalam Perspektif Hadith: Aplikasi dalam Etnobotani Melayu dan Kehadiran Aktiviti Antioksidan” (Othman dan lain-lain, 2021), “Inai Menurut Perspektif Hadis dan Sains” (Ariffin dan lain-lain, 2020), dan banyak lagi. Hal ini telah membuktikan bahawa, karya Ibn Qayyim setelah diintegrasikan dengan cabang ilmu baru, signifikannya telah menghasilkan dapatan dan manfaat baru untuk umat masa kini.

Selain daripada itu, manfaat daripada perkembangan ekonomi, perubatan, astronomi, kimia, dan lain-lain bidang terus berkembang dan dimanfaatkan dari penemuan sarjana Islam. Hal ini sekaligus menyokong gerakan dakwah oleh generasi Muslim terdahulu menerusi integrasi ilmu terus terpelihara dalam penemuan-penemuan ilmiah. Kemahiran menguasai pelbagai bidang keilmuan antara *aqli* dan *naqli* telah melahirkan keilmuan yang gemilang dan disegani dunia.

Tugas dakwah bukan hanya terletak kepada golongan beraliran pengajian Islam sahaja, tetapi setiap Muslim dipertanggungjawabkan untuk menyampaikan risalah

Allah SWT. Baik daripada seorang guru sains dan matematik, pensyarah sains di kolej swasta atau awam, mahupun seorang saintis di pelbagai sektor, bertanggungjawab menjaga amanah, integriti dalam menyampaikan dakwah Islam melalui medium dakwah yang tersedia.

Boleh difahami juga, medium dakwah saintifik adalah bertepatan dalam penyebaran risalah Allah SWT. Hal ini didokong dengan perkembangan sains dan teknologi masa kini yang berperanan dalam menyebarkan luas ilmu *turath* dan saintifik dalam sesuatu penyelidikan. Justeru itu, ia memerlukan usaha yang berterusan dari pelbagai bidang kepakaran sama ada bidang pengajian Islam ataupun sains. Khazanah keilmuan dari sarjana Islam harus dikaji, dihubungkan antara pelbagai bidang keilmuan dan disiplin seiring dengan perkembangan sains dan teknologi.

KESIMPULAN

Daripada hasil perbincangan, pelajar Islam dari aliran sains mahupun agama sewajarnya memainkan peranan utama dalam penyebaran dakwah melalui medium penyelidikan saintifik berasaskan kepada integrasi ilmu *turath* yang bersumberkan wahyu. Ia akan memberikan satu nilai tambah kepada para pendakwah untuk berhadapan dengan golongan yang hanya mempercayai data saintifik semata-mata. Para pendakwah yang diisi dengan nilai ilmu integrasi akan menguatkan lagi kekuatan wasilah luaran dan dalaman pendakwah seperti berdisiplin, berhikmah dalam pertuturan, melengkapkan dengan fakta, mampu menarik ramai orang dari pelbagai latar belakang pendidikan dan yang mampu menguasai pelbagai cabang keilmuan. Nilai integrasi ini adalah suatu kelengkapan buat pendakwah dewasa ini yang berhadapan dengan cabaran keilmuan yang memerlukan bukan sahaja teori semata-mata tetapi tahu merujuk dan membuat analisis kerana permasalahan umat sentiasa berkembang yang memerlukan kepada pakar. Kemahiran dalam memahami ilmu baru khususnya mengolah data daripada kajian saintifik memberikan sesuatu keyakinan kepada pendakwah untuk berhujah. Ia bukan sahaja akan memberikan kelengkapan kepada pendakwah tetapi akan menguatkan lagi jati diri pendakwah kerana perkembangan keilmuan yang didasarkan kepada Al-Quran dan Sunnah semestinya adalah benar dan sesuatu yang hakiki.

Medium dakwah era Revolusi Industri (IR 4.0) yang berkembang pesat dipacu oleh sains dan teknologi terdiri daripada pelbagai medium antaranya medium media massa, capaian internet, data raya seperti carian google yang mengandungi makalah penerbitan, dakwah ringkas, dakwah melalui YouTube, Facebook, WhatsApp dan lain-lain. Penguasaan medium dakwah era IR 4.0 pastinya dapat menarik lebih ramai untuk bersama-sama belajar dan menguatkan keyakinan serta keimanan para pendakwah dalam melebar luaskan dakwah mereka.

Kejayaan para pendakwah kontemporari dapat berfungsi sebagai satu pendekatan dakwah yang berkesan untuk menjentik rasa tunduk terhadap *Khaliq*, disebabkan nilai integriti keilmuan yang diasaskan dalam pelajaran dan penerapan asas ketauhidan terserlah daripada kajian-kajian sarjana Islam terdahulu.

RUJUKAN

- “Buku panduan Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda sesi 2020/2021, Akademi Pengajian Islam.” Kuala Lumpur: Bahagian Ijazah Dasar APIUM, UM, 2020/2021, 325.
- “Subjek semasa mengikuti program asasi.” Laman sesawang *Program Asasi Pengajian Islam dan Sains Universiti Malaya*, diakses 21 Julai 2021, <https://apium.um.edu.my/program-asasi-pengajian-islam-amp-sains>.
- Ab Rahim, A., & Nor, M. R. M. (2020). Institusi pengajian pondok di Selangor: Kajian terhadap sejarah dan perkembangan. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 7(2), 1-12.
- Abdullah, W. H. W., & Zaki, H. (2020). Gejala kemurungan: Kaedah rawatan melalui pengubatan al-Tibb al-Nabawiy. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(3), 215-234.
- Ahim, R. (2020). Dakwah Islamiah mendepani cabaran revolusi industri 4.0. *Journal of Asian Islamic Higher Institutions*, 5, 1-8.
- Ahmad, K., Suliaman, I., & Ariffin, S. (2012). Sorcery treatment on Ibn Qayyim al-Jawziyya’s (691h/1292m-751h/1350m) perspective and the reality in Islamic medical centre in Malaysia: A comparative studies. *Al-Bayan: Journal of Qur’an and Hadith Studies*, 10(1), 63-83.
- Akmal Khuzairy Abd. Rahman. (2018). Menilai terjemahan beberapa ayat-ayat al-Quran dalam bahasa Melayu dalam konteks toleransi dialog agama. Dalam *Dinamika pemikiran dan kefahaman Islam dalam isu-isu kontemporari* disunting oleh Azhar Abdul Rahman dan lain-lain. Gombak: IIUM Press, 79-98.
- Ariffin, M. F. M., Othman, M. R., Ahmad, K., Yakub, M., & Yusoff, Z. M. (2020). Inai menurut perspektif hadis dan sains. *Albasirah Journal*, 10(2), 37-56.
- Azhar, A. (2017). Sains Islam Vs sains Barat: Analisis amalan dan perbandingan. *Jurnal Ulum Islamiyyah USIM*, 21, 25–41.
- Azhar, A., & Rahim, R. A. A. (2010). Aplikasi elemen pemikiran saintifik dalam pengajian syariah. *Jurnal Fiqh*, 7, 1-28.
- Baharuddin, A. (2007). Pendekatan holistik agama dan sains: Mekanisme dan penghayatan penyelesaian alternatif. in. Syed Muhammad Dawilah al-Edrus (ed). *Pendekatan holistic sains dan agama cabaran ketamadunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 7-34.
- Don, A. G., & Nasir, B. M. (2012). Cabaran dakwah di Malaysia sebelum dan selepas merdeka. *Al-Hikmah*, 4, 15-22.

- Faujan, N. H., & Hassan, Z. (2018). Khasiat madu terbukti menerusi kajian saintifik. *Berita Harian Online*.
- Ghani, M. Z. A., Ahmad, N., Don, A. G., & Ismail, A. (2013). Faktor penulisan ilmu dakwah dalam Islam. *Al-Hikmah*, 5, 3-17.
- Ghazali, M. R. (2020). Metodologi dakwah menurut Abdul Karim Zaidan (1917-2014): dalam Bukunya Usul da'wah: Dakwah Methodology According to Abdul Karim Zaidan's View (1917-2014): In His Book Usul Da'wah. *AL-ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 23(1), 235-249.
- Haron, Z. (2016). Konsep Al-Shifā' dalam al-Qur'an: Kajian terhadap metode rawatan Ibn Qayyim Al-Jawziyyah/Zulkiflee Haron. Tesis PhD, University of Malaya.
- Hassan, I. N., Othman, M. Y. H., & Jalil, M. H. (2018). Muslim alchemists and their philosophy influence on modern chemistry; Jabir ibn Hayyan. *Global Journal of Social Sciences and Humanities journal*, 2, 4-7.
- Hassan, M. A., & Khambali, K. M. (2013). Pengislaman Sains dan Pengaruhnya Dalam Peradaban: Respons Ilmuan Muslim Terpilih. *Journal of Human Capital Development*, 6(1), 133-150.
- Hilmi, E. E. (2014). Peranan tekno daie dalam berdakwah di era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Dalam makalah *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective*, disunting oleh: Anuar Puteh & Ahmad Irdha Mokthar, Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, 1-11.
- Ibrahim, M. A., Yusoff, M., Yakub, M., & Abdul Aziz, A. (2012). Kemukjizatan biologi dalam al-Qur'an dari perspektif sains: Satu tinjauan. Dalam Prosiding, *The 2nd Annual International Qur'anic Conference*, Center of Quranic Research, 213-224.
- Ismail, A. T. B., & Asnawi, A. R. (2021). Issues in scientific approach to ḥadīth commentary: A critical study of selected ḥadīths on prophetic medicine. *Al-Burhān: Journal of Qur'ān and sunnah studies*, 5 (Special Issue 1), 1-13.
- Izet Masiz. (2012). Thousand-year anniversary of the historical book: "Kitab al-qanun fit-tibb"- The canon of medicine, written by Abdullah ibn Sina. *Journal of research in medical sciences: the official journal of Isfahan University of Medical Sciences*, 17(11), 993-1000.
- Jalal, B., Ismail, A. S., & Ab Ghani, S. (2018). Pendekatan dakwah untuk cabaran masa depan: Satu soroton. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 4(1), 23-33.
- Jalil, A. & Abd Aziz, M. A. (2013). *Pengajian Halaqah UTH 3012*. Nilai: Penerbit USIM, 14.
- M. Vali Siadat, dan Alana Tholen. (2021). Omar Khayyam: Geometric Algebra and Cubic Equations. *Math Horizons*, 28(1), 12-15.
- Manap, Y. A. (2012). *Menerokai kegemilangan saintis Islam*. Selangor: Buku Karangraf, 198.

- Masruri, M., Ismail, F. H., Abd, S. B. B., Kirind, A., Misbah, M., & Tabroni, I. (2021). The perspective of al-Sunnah al-Nabawiyah to handle the outbreak of a Pandemic Disease. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education*, 12, 686-693.
- Mat Ail, A. (2015). *Analisis penguasaan kemahiran penaakulan saintifik, kemahiran proses sains dan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar sekolah menengah di jajahan Bachok, Kelantan*. Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohamed, A. K. (2003). *Pengurusan pendidikan di sekolah: Huraian menurut perspektif Islam*. Penerbit UTM, 15.
- Mohd Jailani, M. R. (2019). Kerangka konsep integrasi ilmu naqli dan aqli (Inaq) di Universiti Sains Islam Malaysia: The conceptual framework of integration of naqli and aqli (Inaq) knowledge in Universiti Sains Islam Malaysia. *AL-ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 20(2), 21-32.
- Norazmi, A., Engku Ahmad Zaki, E. A., & Zarinatun Ilyani, A. R. (2017). Penyelidikan saintifik dalam kerangka maqasid syariah dari perspektif pragmatik-Agama/Norazmi Anas, Engku Ahmad Zaki Engku Alwi dan Zarinatun Ilyani Abdul Rahman. *Ideology*, 2(2), 2-12.
- Omar, N. (2006). Perkembangan ilmu perubatan: Sebelum dan selepas kedatangan Islam. *Jurnal Pengajian Umum*, 7, 139-150.
- Omar, S. (2016). Sumbangan sarjana Islam dalam bidang matematik, dalam *peradaban Islam di Asia: Isu-isu sejarah & tamadun, pendidikan dan sains sosial*, ed. Nurul Wahidah Fauzi & Wan Nur Amirah. Nilai: USIM Press, 1-7.
- Othman, M. R., Ariffin, M. F. M., Ahmad, K., Othman, R., Awang, K., & Yusoff, Z. M. (2021). *Lawsonia inermis* Linn. (Inai) dalam perspektif hadith: Aplikasi dalam etnobotani Melayu dan kehadiran aktiviti antioksidasi. *Islamiyyat*, 43(1), 97-111.
- Radzi, F. M., & Harun, A. (2021). Kartun bertemakan dakwah Islamiyah atas talian: Interpretasi dakwah satira dan sarkastik. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding (E-JITU)*, 1, 50-61.
- Ramli, K., & Yusoff, S. H. (2019). Perubatan Nabi: Kefahaman terhadap sunnah dan praktis perawat. *AL-ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 17, 97-106.
- Rashid, M., Hafiz, M., Wahab, M., & Jasmi, K. A. (2018). Sains tauhidik dalam pembangunan peradaban Melayu. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Tamadun Islam, 153-170.
- Rusydi, A., (2016). Tafsir ayat kauniyah. *Al Qalam: Jurnal Ilmiah Keagamaan dan Kemasyarakatan*, 9(17), 117-142.
- Sanusi, E. S. & Mohamed, R. (2017). Analisis terhadap peranan nasyid dalam dakwah. *Jurnal Ilmiah Islam Futura*, 16(2), 227-242.

- Sidik, R., & Talib, N. M. (2013). Perkembangan sains tabi'i Islam era Uthmaniyyah. *Journal of Al-Tamaddun*, 8(2), 37-47.
- Wan Jamaluddin Z. (2012). Tinjauan mengenai unsur islam dalam kehidupan intelektual Rusia berasaskan bahan kajian para oreintalis terpilih. *Jurnal Usuluddin*, 35, 61-80.